KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	HARIAN METRO			
TARIKH	10.03.22	MUKA SURAT	:	9
JABATAN	JKPTG/TNB			

Runtuhan tanah tak jejas empangan

Kuala Berang: Runtuhan tanah sehingga menyebabkan berlakunya fenomena kepala air tidak menjejaskan struktur Empangan Kenyir dan mengancam keselamatan penduduk di beberapa kampung berhampiran.

Ahli Dewan Undangan negeri (Adun) Telemong Datuk Rozi Mamat berkata, runtuhan tanah berkenaan berlaku disebabkan hujan keterlaluan sehingga menghanyutkan sisa hutan dan ia terjadi di luar kawasan empangan.

"Runtuhan tanah yang berlaku di luar kawasan empangan juga tidak menjejaskan struktur Stesen Janaelektrik Sultan Mahmud (SJSM).

"Pada masa sama, sebuah menara telekomunikasi turut tumbang akibat kejadian ini," katanya selepas penyerahan sumbangan 200 dapur bernilai RM20,000 dan pelbagai makanan asas untuk mangsa banjir bernilai RM10,500, semalam.

Ia sumbangan Umno Bahagian Temerloh dan majlis disempurnakan Bendahari Umno Bahagian Temerloh Datuk Yusof Nong kepada Ketua Penerangan Umno Bahagian Hulu Terengganu Baharuddin Bl Diah.

Rozi yang juga Ketua Umno Bahagian Hulu Terengganu berkata, penilaian dilakukan Tenaga Nasional Berhad (TNB) mendapati struktur empangan kekal utuh dan tidak mewujudkan sebarang risiko keselamatan kepada penduduk.